

20 MAY 2002

Zainal-CPF/I

MTUC GESA PENYELESAIAN ISU CPF DISEGERAKAN

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) hari ini menggesa bagi penyelesaian segera isu Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF) yang melibatkan simpanan para pekerja Malaysia yang sebelum ini bekerja di Singapura.

Presiden MTUC Senator Zainal Rampak berkata kini sudah lebih tiga tahun sejak perkara itu diperkatakan ramai, lebih-lebih lagi selepas krisis ekonomi 1998, tetapi perkara itu masih belum diselesaikan.

"Semasa Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew melawat Malaysia tahun lepas dan bertemu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah dipersetujui bersama bahawa perkara mengenai CPF akan dirundingkan sebagai sebahagian daripada pakej komprehensif lima isu utama melibatkan hubungan antara Singapura dan Malaysia," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Pakej itu melibatkan isu berkaitan kerajaan Singapura mengambil alih tanah milik Keretapi Tanah Melayu di Tanjong Pagar, penempatan semula Kompleks Imgiresen Malaysia dari Tanjong Pagar ke Woodlands, penggunaan ruang udara Malaysia oleh pesawat tentera Singapura, dan bekalan air dari Johor ke Singapura.

Zainal berkata kedua-dua pemimpin bersetuju bahawa kesemua isu telah diselesaikan melalui persetujuan bersama dan kemudian mengarahkan para pegawai kedua-dua negara untuk berbincang dan menggariskan perincian perjanjian itu.

Bagaimanapun, seolah-olah tiada apa-apa kemajuan dalam pakej komprehensif itu dan satu perjumpaan mengenai perkara itu antara menteri luar kedua-dua negara dijadualkan diadakan hanya pada Julai, katanya

"Memandangkan keadaan yang mendesak ini, kami menggesa kerajaan Singapura supaya menarik keluar isu CPF ini daripada "pakej" itu dan sebagai satu perkara yang diutamakan, cuba menyelesaikannya secepat yang mungkin." katanya.

MTUC telah menghantar satu memorandum kepada Menteri Kewangan Singapura dan berjumpa dengan Pesuruhjaya Tinggi Singapura untuk menjelaskan kepadanya akan pentingnya pendekatan segera kepada masalah CPF, katanya.

Zainal berkata MTUC telah menerima banyak panggilan telefon yang bertanyakan bila mereka boleh mendapatkan wang CPF mereka memandangkan kebanyakan mereka diberhentikan semasa krisis ekonomi, katanya.

Mereka kini terpaksa meminjam wang dari bank dan syarikat kewangan sementara mereka yang tidak layak untuk mendapatkan kemudahan kredit, tiada pilihan lain kecuali memijam daripada ceti haram dan along, katanya.

Zainal berkata alasan undang-undang yang disebut kerajaan Singapura bahawa Akta CPF hanya membenarkan pengeluaran apabila pekerja terlibat mencapai usia 55 tahun, adalah tidak munasabah dan tidak boleh diterima.

"Ia adalah hak pekerja untuk mendapatkan simpanan persaraan mereka sendiri tanpa sekatan apabila mereka meninggalkan republik itu," katanya.

Oleh itu MTUC menggesa kerajaan supaya meneruskan usaha mencari penyelesaian secara baik isu itu dengan kerajaan Singapura.

-- BERNAMA

NJ AZH RON